

28 JAN 2002

MAHATHIR-TRI/I

TELEKOM BERMINAT AMBIL ALIH TRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Telekom Malaysia Bhd telah lama berminat untuk mengambil alih Technology Resources Industries Bhd (TRI).

Beliau berkata: "Telekom, saya fikir telah berminat untuk mengambil alih TRI untuk sekian lama, tetapi soalnya adalah harga.

"Terpulang kepada mereka untuk memutuskan," katanya kepada sidang media selepas melancarkan kempen "Sehari Bersama Pelanggan" Kementerian Kewangan, di sini.

Menurut laporan dan spekulasi industri, Telekom pernah menawarkan untuk membeli ekuiti dalam TRI. Telekom, bagaimanapun, telah menafikannya.

TRI memiliki Celcom (Malaysia) Sdn Bhd, pengendali telefon bergerak kedua terbesar Malaysia dengan pelanggan seramai 2.13 juta pada akhir 2001. Telekom, satu entiti kerajaan, adalah syarikat telekomunikasi tertua dan terbesar di negara ini.

Antara pemilik saham utama TRI adalah Tan Sri Tajudin Ramli dengan ekuiti 24.3 peratus dan Deutsche Telekom dengan 21 peratus. Tri yang dibebani hutang RM4.2 bilion, sedang menerbitkan saham terhad bernilai RM1.05 bilion, iaitu sebahagian daripada usaha permodalan dan penstrukturan semulanya.

Dr Mahathir yang merupakan Menteri Kewangan berkata kerajaan mahu lebih industri telekomunikasi bergabung kerana bilangan peserta dalam industri itu sebanyak lima pengendali adalah terlalu banyak.

Sementara itu, penganalisis berkata walaupun Telekom telah membuat penafian, mereka tidak yakin Telekom akan menjauhkan diri dari TRI.

"Kami rasa jika TRI gagal mendapatkan pelabur bagi tebitan saham itu, kerajaan mungkin mahu Telekom atau salah satu agensinya yang lain mengambil ekuiti itu," kata seorang penganalisis. -- BERNAMA

MAD FR JR